

TARIKH : 21 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12

Dasar ekonomi 'terburu-buru' boleh jejas pertumbuhan negara

Dasar ekonomi 'terburu-buru' boleh jejas pertumbuhan negara



Ketua Penganalisis Ekonomi, Bank Islam Malaysia Berhad

Oleh Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid
bhrencana@bh.com.my

Mutakhir ini, terdapat pelbagai perbincangan mengenai dasar monetari dan peranan bank pusat dalam menguruskan perihal perkeonomian negara.

Kadangkala perbincangan itu mencajai ke peringkat lanjutan yang mungkin ramai rakyat biasa kurang memahaminya. Búnnya mungkin begitu canggih hingga mengakibatkan pendengar mengiyakan hujah dilontarkan.

Dari satu segi, ia melambangkan masyarakat semakin cakna mengenai ilmu ekonomi dan kewangan kerana ia memberi kesan kepada kelangsungan kehidupan. Dari sesi lain, risiko terjemahan pincang juga mungkin boleh berlaku dan membawa banyak mudarat kepada masyarakat.

Bagi mengelakkan kita terlalu terikut-ikut dan menerima bulat-bulat apa diperkatakan, peranan perkongsian ilmu tepat adalah penting bagi menjamin pemahaman betul. Ini bagi memastikan konteks sesuatu perkara dapat dicerahkan sebaiknya.

Kembali kepada perbincangan peranan bank pusat, antara fungsinya adalah untuk menerajui dan mengurus kecairan dalam sesebuah ekonomi. Ini termasuk penciptaan kredit, iaitu aktiviti memberi dan menerima pinjaman banyak disandarkan kepada jumlah deposit.

Sebahagian deposit diterima institusi perbankan akan disalurkan ke dalam Nisbah Keperluan Berkanun (SRR) yang nisbah semasa berada pada paras 2 peratus.

Daripada deposit ini, maka tercipta kredit atau aktiviti pemberian dan penerimaan pinjaman. Jadi, ada sandarannya dan bukan datang secara magis.

Kemudian pihak bank pusat atau dalam kes negara kita, Bank Negara Malaysia (BNM) pula, mereka akan bergerak aktif dalam menguruskan kecairan dalam sistem kewangan negara.

Setiap hari penyata kecairan akan dikongsi dengan pihak perbandharaan institusi perbankan, dana pencen, syarikat insurans serta pengurus dana. Institusi ini akan mengurus dan mengimbangi jumlah aset dan liabiliti mereka.

Pihak BNM akan membeli dan menjual sekuriti atau bon kerajaan yang mempunyai kecairan tinggi dalam pasaran wang serta pasaran modal supaya keperluan kecairan dalam ekonomi negara kita sentiasa mencukupi.

Ia seumpama organ jantung dalam badan manusia yang fungsinya adalah untuk mengedap darah ke seluruh anggota badan. Darah dalam konteks ini adalah kecairan atau jumlah wang berlegar dalam sesuatu ekonomi.

Hal ini boleh kita perhatikan melalui data dalam laman sesawang BNM. Setakat 31 Januari 2022, aset rizab rasmi adalah AS\$116.1 bilion (RM487.5 bilion) yang sebahagian besarnya adalah sekuriti atau bon kerajaan berjumlah AS\$98.4 bilion (RM404.8 bilion) dan selebihnya adalah jumlah mata wang dan deposit dengan bank pusat negara lain serta institusi seperti Bank for International Settlement (BIS) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Justeru, kegiatan membeli dan menjual sekuriti atau bon kerajaan oleh BNM adalah normal dan menjadi prosedur operasi standard (SOP) yang sentiasa diamalkan mana-mana bank pusat di serata dunia.

Setiap organisasi terabit pula seperti institusi perbankan, dana pencen, syarikat insurans dan pengurus dana bertanggungjawab ke atas untung serta rugi terhadap posisi mereka ambil.

Dengan kata lain, operasi kecairan tidak boleh dijalankan semberono dan akan ada implikasinya sekiranya entiti berkenaan menghadapi pengeluaran besar-besaran.

Mungkin ada juga tertanya adakah BNM patut melaksanakan dasar Quantitative Easing (QE) seperti dilaksanakan di negara maju? Jawapan mudahnya, pihak BNM mempunyai ruang dasar monetari masih luas.

Lihat sahaja Radar dasar semalaman (OPR) berada pada paras 1.75 peratus. Maka, tiada keperluan untuk melaksanakan dasar seperti ini.

Perkara ini amat berbeza sekali dengan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat dan Bank of England yang mana kedua-dua bank pusat ini mempunyai kadar faedah pada paras 0.25 peratus serta 0.5 peratus, iaitu menghampiri sifar.

Jadi, ini memaksa mereka untuk melaksanakan kaedah QE apabila berhadapan ancaman ekonomi ekoran penularan wabak COVID 19 pada 2020.

Oleh itu, apa yang dapat kita simpulkan adalah sesuatu dasar ekonomi itu mempunyai tujuan dan mekanisme begitu khusus. Ia tidak boleh dilaksanakan secara terburu-buru kerana boleh memberi implikasi kepada sektor lain dalam ekonomi.

Kecairan atau mudah tunai tinggi adalah penting dan boleh dianggap antara resipi utama bagi menjangkakan pertumbuhan ekonomi lebih sihat.

Setiap entiti dalam ekonomi seperti peniaga dan individu akan mudah mendapat akses pinjaman serta deposit bagi menyantuni aktiviti ekonomi mereka.

Kalau peniaga, mereka mahukan modal jangka panjang dan modal pusingan untuk melaksanakan perniagaan mereka.

Begitu juga dengan individu yang mahu membeli rumah, kenderaan dan keperluan kredit lain yang kecairan tinggi menjadi prasyarat kelancaran sesebuah ekonomi.

Memang diakui, fakta ini mungkin agak sukar difahami dalam masa singkat. Namun, dengan adanya usaha berterusan untuk memberi pendidikan ekonomi kepada masyarakat umum, sudah pasti semua pihak akan lebih memahami berkenaan sesuatu diperkatakan.

“Kecairan atau mudah tunai tinggi adalah penting dan boleh dianggap antara resipi utama bagi menjangkakan pertumbuhan ekonomi lebih sihat”

